

28 NOV 2002  
Negara-Tanggung  
PERSIDANGAN DEWAN NEGARA DITANGGUHKAN

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Dewan Negara yang bersidang selama 12 hari sejak 11 Nov lepas hari ini ditangguhkan ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Sepanjang persidangan mesyuarat ketiga penggal keempat parlimen ke-sepuluh kali ini, anggota dewan antara lain telah meluluskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan atau Bajet 2003 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan pada 20 Sept lepas dan 13 rang undang-undang yang lain.

Pada sidang kali ini, Dewan Negara juga menerima lima anggota baru iaitu Tan Cheng Tee, Datuk Mohamad Taha Ariffin, Datuk Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng, Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk dan Ooi Siew Kim.

Sebelum pengumuman penangguhan itu, Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Micheal Chen Wing Sum memberitahu dewan bahawa beliau berpuas hati dengan mutu perbahasan yang dikemukakan oleh kebanyakan anggota.

"Mereka telah melaksanakan tugas dengan baik kali ini, kehadiran dalam purata 97 peratus setiap hari persidangan diadakan dan saya juga cukup gembira kerana ramai menteri yang datang untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan," katanya.

Beliau berkata pujian harus diberikan kepada Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz dan Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz yang selalu hadir dalam memberikan jawapan yang dibangkitkan mengenai kementerian masing-masing.

Pada hari terakhir persidangan, enam Rang Undang-undang telah diluluskan iaitu Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 2002, Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) (No.2) 2002, Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan (Pindaan) (No.2) 2002, Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) (No.2) 2002, Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) (No.2) 2002 dan Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 2002.

Rang undang-undang yang diluluskan pada persidangan kali ini ialah:

\* Rang Undang-Undang Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 2002

\* Rang Undang-Undang Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2002

\* Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2002) (No.2) 2002

\* Rang Undang-Undang Majlis Amanah Rakyat (Pindaan) 2002

\* Rang Undang-Undang Syarikat Amanah Labuan (Pindaan ) 2002

\* Rang Undang-Undang Peguam Bela (Sabah) (Pindaan) 2002

\* Rang Undang-Undang Peguam Bela (Sarawak) (Pindaan) 2002

\* Rang Undang-Undang Kewangan (No.2) 2002

\* Rang Undang-Undang Kastam (No. 2) (Pindaan) 2002

\* Rang Undang-Undang Cukai Perkhidmatan (No.2) (Pindaan) 2002

\* Rang Undang-Undang Cukai Jualan (No. 2) (Pindaan) 2002

\* Rang Undang-Undang Eksais (No. 2) (Pindaan) 2002

\* Rang Undang-Undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 2002.

-- BERNAMA

ZMN AT MOZ